

# Malaysia antara pengucap utama di CHOGM 1999

UM 10 NOV 1999

KUALA LUMPUR 9 Nov. — Malaysia adalah antara dua negara pertubuhan 54 negara anggota Komanwel yang akan memberi ucapan pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Durban pada 12 November ini.

Ucapan itu sepatutnya diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tetapi sebaliknya akan disampaikan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar selepas Perdana Menteri membatalkan lawatannya ke Afrika Selatan pada saat akhir.

Selain Perdana Menteri, turut memberi ucapannya pada mesyuarat tersebut ialah Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki.

CHOGM 1999 akan diadakan dari 12 hingga 15 November ini.

Ketika dihubungi mengenai pembatalan lawatan Perdana Menteri itu, Syed Hamid berkata malam ini, beliau akan melaksanakan tugas untuk mewakili Dr. Mahathir semasa di Afrika Selatan nanti.

"Bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi Perdana Menteri untuk membatalkan lawatannya... ini berlaku dari masa ke masa," jelasnya tanpa mengulas lanjut.

Terdahulu, Syed Hamid berkata, Perdana Menteri dijemput untuk memberi ucapan selepas Ratu Elizabeth II merasmikan CHOGM.

"Ini satu penghormatan kepada Malaysia kerana Perdana Menteri dijemput memberi ucapan berdasarkan kepada senioriti dan pandangan beliau dalam hal-hal antarabangsa," kata Syed Hamid dalam satu sidang akhbar di sini petang ini.

Ditanya mengenai isu-isu yang akan disentuh oleh Dr. Mahathir di dalam ucapannya, Syed Hamid berkata, ucapan Perdana Menteri itu disifatkan sebagai penting memandangkan ia akan menyentuh peranan Komanwel dalam alaf yang baru.

Komanwel yang ditubuhkan pada April 1949 menyambut ulang tahunnya yang ke-50 tahun ini.

Menurut Syed Hamid, ucapan itu juga kemungkinan menyentuh mengenai keperluan mewujudkan sistem antarabangsa yang adil, sama rata dan saksama, bukan

sahaja bagi negara-negara maju tetapi dan juga bagi negara-negara membangun serta miskin.

"Ini termasuk penyusunan semula kerangka kewangan antarabangsa," katanya.

Menurut beliau, ia juga mungkin akan menyentuh mengenai peri penting mempertahankan kebebasan dan kedaulatan negara-negara kecil seperti Malaysia ketika dunia mengalami perubahan globalisasi, internasionalisasi serta demokrasi.

Di dalam sidang akhbar itu, Syed Hamid turut memberitahu, Malaysia akan menyokong pencalonan Farouk Subhan dari Bangladesh sebagai Setiausaha Agung Komanwel yang baru bagi menggantikan Chief Emeka Anyaoku.

Bekas Menteri Luar Nigeria, Anyaoku akan menamatkan penggal kedua perkhidmatannya pada awal tahun depan.

## Laporan

"Malaysia menyokong Subhan kerana berpendapat sudah masanya bagi calon dari Asia pula dilantik menjadi Setiausaha Agung Komanwel," jelasnya.

Subhan ialah bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Bangladesh dan bekas Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Malaysia.

Bagaimanapun, calon utama di dalam perebutan jawatan tertinggi pertubuhan yang dianggotai oleh negara-negara bekas tanah jajahan Britain itu ialah Menteri Luar New Zealand, Don McKinnon.

Menurut Menteri Luar, antara agenda yang akan dibincangkan ialah laporan Kumpulan Tindakan Komanwel mengenai keanggotaan Pakistan dalam pertubuhan itu.

Kumpulan tersebut akan membuat laporan mereka kepada ketua-ketua kerajaan Komanwel mengenai rampasan kuasa tentera di Pakistan pada bulan lalu.

"Kemungkinan besar tindakan yang akan diambil terhadap Pakistan ialah menggantung keanggotaan negara itu sehingga kerajaan awam dapat dipulihkan," jelas Syed Hamid.